



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ANALISIS GENRE DAN AKAL BUDI DALAM PERIBAHASA MELAYU SARAWAK

ABANG PATDELI BIN ABANG MUHI

TESIS INI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSFAH (PERADABAN MELAYU)



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

INSTITUT PERADABAN MELAYU
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2018



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

V

ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis genre dan akal budi yang terdapat dalam peribahasa Melayu Sarawak. Reka bentuk kajian ialah kajian kepustakaan yang bertujuan untuk mengenal pasti jenis peribahasa yang terdapat dalam beberapa buah buku berdasarkan pendekatan induktif daripada aspek genre dan akal budi. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti jenis-jenis peribahasa, menjelaskan struktur peribahasa dan menganalisis akal budi dalam peribahasa. Teori Peribahasa Za'ba dan Teori Semantik Geoffrey Leech diaplikasikan dalam kajian ini. Teori Za'ba digunakan untuk menentukan jenis-jenis dan fungsi peribahasa. Teori Leech menghuraikan jenis-jenis makna kiasan dan unsur-unsur akal budi. Data kualitatif kajian dipungut berdasarkan temu bual dua orang informan yang merupakan penutur asli Bahasa Melayu Sarawak. Kriteria pemilihan informan ialah tokoh rujukan yang berusia, berwibawa dan berkearifan mengenai sastera lisan Melayu Sarawak. Salah seorang daripada informan ialah penulis dua buah buku pantun Melayu Sarawak. Dapatkan kajian kepustakaan dan temu bual dengan informan mendapatkan 1,373 rangkap peribahasa Melayu Sarawak. Berdasarkan genre ditemukan simpulan bahasa sebanyak 964 rangkap, pepatah atau bidalan 266 rangkap, perumpamaan 91 rangkap, nilai kepercayaan 46 rangkap dan pantun dua baris berima sebanyak 6 rangkap. Genre yang paling dominan ialah simpulan bahasa, namun tidak terdapat peribahasa jenis perbilangan dan lidah pendeta. Kajian juga mendapati aspek akal budi dalam peribahasa Melayu Sarawak menunjukkan pelbagai tema dan makna yang muncul berkaitan dengan ilmu pengetahuan, falsafah, pemikiran, budaya, pandangan hidup dan daya cipta. Implikasi penting kajian ini ialah 1,373 rangkap peribahasa itu boleh diterbitkan, dijadikan artifak sastera dan budaya serta sumber kajian tentang masyarakat Melayu Sarawak.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



AN ANALYSIS OF GENRE AND AKAL BUDI IN THE SARAWAK MALAYS PROVERBS

ABSTRACT

The purpose of this study was to analyse the genre and *akal budi* in the Sarawak Malays proverbs. This study used library research to determine the types of proverbs in various books based on inductive approach from the aspects of genre and *akal budi*. The objectives of this study were to determine the types of proverbs, clarify the structure of the proverbs, and to analyse the *akal budi* in the proverbs. Za'ba Proverbs Theory and Geoffrey Leech Semantic Theory were applied in this study. Za'ba Theory is used to determine the types and functions of proverbs. Leech Semantic Theory is to describe the types of metaphorical meanings and the elements of *akal budi* in the Sarawak Malays proverbs. The qualitative data were collected by interviewing two informants who were the native speakers of the Sarawak Malay. The criteria for selecting the informants were based on their elderly reference figures with authority and wisdom regarding the Sarawak Malays oral literature. One of them was an author of two Sarawak Malays pantun books. The findings of the study from the review of the literature and the interviews with the informants found 1,373 verses of proverbs. Based on varied genres, the study found 964 verses of idioms, 266 verses of axioms or maxims, 91 verses of parables, 46 verses based on values of beliefs and 6 verses based on two lines *pantun*. The dominant genre was idiom, however no *perbilangan* and *lidah pendeta* genres were found. This study also revealed that the aspects of *akal budi* in the Sarawak Malays proverbs contained various themes and meanings regarding the knowledge, philosophy, thinking, culture, worldviews and creativity. In implication, the 1,373 verses of proverbs found from this study could be published and they could be regarded as literature and cultural artifacts, and the publication could be a source of literary work of Sarawak Malays.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiv



BAB 1	PENDAHULUAN	1
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Permasalahan Kajian	5
1.4	Objektif Kajian	9
1.5	Soalan Kajian	10





1.6	Batasan Kajian	13
1.6.1	Pemilihan Subgenre	13
1.6.2	Batasan Suku Kaum dan Kawasan	15
1.6.3	Penetapan Objek Kajian	16
1.6.4	Batasan Waktu	16
1.7	Sumber Kajian	17
1.8	Definisi Konsep dan Istilah	18
1.8.1	Genre	19
1.8.2	Akal Budi	21
1.8.2.1	Akal	22
1.8.2.2	Budi	26
1.8.2.3	Rumusan Pengertian Akal Budi	29
1.8.3	Peribahasa	30
1.8.4	Semantik	31
1.8.4.1	Metafora	32
1.8.4.2	Pragmatik	33
1.8.4.3	Kognitif	34
1.8.4.4	Inkuisitif	34
1.9	Kesimpulan	35





BAB 2	SOROTAN LITERATUR	36
2.1	Pengenalan	36
2.2	Kajian Terdahulu	37
2.2.1	Kajian-kajian Dari Dalam Negara	37
2.2.2	Kajian-kajian Dari Luar Negara	49
2.2.3	Kesimpulan	53
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	55
3.1	Pengenalan	55
3.2	Reka Bentuk Kajian	56
3.3	Kaedah Kajian	57
3.3.1	Kaedah Deskriptif	57
3.3.2	Kaedah Analisis Semantik	57
3.4	Kaedah Pengumpulan Data	58
3.4.1	Kaedah Temu Bual	58
3.4.2	Kajian Kepustakaan	59
3.4.3	Pembacaan Data	60
3.4.4	Pemilihan Data	60





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

X

3.5	Teori-teori	61
3.5.1	Kerangka Teori	61
3.5.2	Teori Kajian	62
3.5.2.1	Teori Peribahasa Za'ba	63
3.5.2.2	Teori Semantik Leech	65
3.5.2.3	Kesimpulan	67
BAB 4	ANALISIS DAN PERBINCANGAN	71
4.1	Pengenalan	71
4.2	Analisis Genre dan Akal Budi Peribahasa Melayu Sarawak	73
4.2.1	Analisis Genre Peribahasa Melayu Sarawak	76
4.2.1.1	Analisis Pepatah atau Bidalan	83
4.2.1.1.1	<i>Aer Ada Pasang Surutnya</i>	85
4.2.1.1.2	<i>Belom Beranak Udah Ditimang</i>	92
4.2.1.1.3	<i>Sapa Makan Cabik Nyalah Rasa Pedas</i>	99
4.2.1.1.4	Besar Pasak Dari Tiang	106
4.2.1.1.5	<i>Boyak Sik Nulak Bangke</i>	111
4.2.1.1.6	Lemah Lembut Pandan <i>Bedurik</i>	122
4.2.1.2	Analisis Perbilangan	129
4.2.1.3	Analisis Perumpamaan	135



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

X



4.2.1.3.1 <i>Bage Nak Mati</i>	139
4.2.1.3.2 <i>Macam Raja</i>	147
4.2.1.3.3 <i>Mirah Aer Sireh</i>	155
4.2.1.3.4 <i>Bunyi Punggor Rebah</i>	162
4.2.1.3.5 <i>Rasa Nak Masok Dalam Perut Emak Balit</i>	167
4.2.1.4 Analisis Simpulan Bahasa	174
4.2.1.4.1 Analisis Genre Simpulan Bahasa	176
4.2.1.4.1.1 Berunsurkan Golongan Kata	179
4.2.1.4.1.2 Berunsurkan Nilai Kepercayaan	198



4.2.1.4.2 Analisis Akal Budi Dalam Simpulan Bahasa	204
4.2.1.5 Analisis Bentuk Dua Baris Berima	210
3.3 Analisis Dapatan Kajian	218
4.3.1 Analisis Peribahasa	218
4.3.1.1 Struktur Luaran	220
4.3.1.1.1 Gaya Bahasa	221
4.3.1.1.2 Susunan Kata dan Kalimat	229
4.3.1.1.3 Fungsi Peribahasa	242
4.3.1.2 Struktur Dalaman	252
4.3.2 Analisis Akal Budi dalam Peribahasa	259





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

xiii

4.3.2.1 Pemikiran	261
4.3.2.2 Kekreatifan	274
4.3.2.3 Keindahan	281
4.3.2.4 Kesantunan	286
4.3.2.5 Keperibadian	291
4.3.2.6 Kebudayaan	296
4.3.3 Rumusan Dapatan Kajian	304
4.3.4 Kesimpulan	309
BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	321
5.1 Pengenalan	321
5.2 Kesimpulan	322
5.2.1 Pencapaian Objektif Kajian	322
5.2.2 Hasil Kajian dengan Soalan Kajian	325
5.3 Cadangan	330
RUJUKAN	333
LAMPIRAN	340



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xiv

SENARAI JADUAL

Jadual

Muka surat

1.1	Pengertian Perkataan Budi	27
3.1	Jenis Makna Menurut Leech	66
4.1	Jenis dan Takrifan Peribahasa	79
4.2	Takrif Buaya dan Bangkai	114
4.3	Contoh Simpulan Bahasa	175
4.4	Contoh Golongan Kata	178
4.5	Kata Nama dalam Simpulan Bahasa	184
4.6	Kata Kerja yang Digunakan dalam Simpulan Bahasa	191
4.7	Takrif Asam, Limau dan Asam <i>Payak</i>	214
4.8	Struktur Luaran dan Dalaman Peribahasa Melayu Sarawak	308
4.9	Contoh Persamaan Peribahasa Orang Melayu Semenanjung Malaysia dengan Orang Melayu Sarawak	318
5.1	Jumlah Rangkap Peribahasa Mengikut Jenis	326
5.2	Jumlah Rangkap Simpulan Bahasa Mengikut Golongan Kata	327



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
191

05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

XV

SENARAI RAJAH

Rajah

Muka Surat

1.1	Peta Kawasan Kajian	15
4.1	Pengkategorian Genre Peribahasa Harun Mat Piah Berdasarkan Teori Peribahasa Za'ba	75
4.2	Aliran Proses Penganalisisan Berdasarkan Teori Bahasa dan Teori Semantik	82



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pengenalan

Bab ini akan secara ringkasnya akan menjelaskan keseluruhan kajian yang hendak dilaksanakan dan diuraikan dalam beberapa subtajuk kecil, yakni perbincangan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, signifikan kajian, skop dan batasan kajian, kerangka kajian, hipotesis, reka bentuk kajian dan definisi operasional.

Latar belakang kajian mencakupi apa juga aspek yang melatari dan mendasari sebab kajian ini dilaksanakan. Pernyataan masalah pula meliputi penerangan mengenai faktor-faktor pendorong yang membawa kepada tercetusnya idea untuk melaksanakan kajian ini. Persoalan dan objektif kajian merangkumi persoalan-



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



persoalan kajian yang perlu dijawab, sekali gus menetapkan hala tuju dan matlamat yang hendak dicapai, dan hasil kajian yang hendak diperoleh melalui kajian yang dijalankan ini.

Bab ini juga akan memperjelas signifikan atau kepentingan kajian ini yang menjurus kepada perbincangan tentang hasil kajian yang disasarkan. Skop dan batasan kajian pula membincangkan cakupan apa-apa juga persoalan dan permasalahan yang hendak dikaji, dinilai dan dicapai oleh kajian ini. Perihal kerangka kajian, hipotesis yang berkaitan, reka bentuk kajian, dan definisi operasional yang terkandung dalam kajian ini akan turut dibincangkan dan diuraikan secara terperinci demi memastikan kajian yang akan dijalankan ini autentik dan tuntas.



1.2 Latar Belakang Kajian

Bangsa Malaysia ialah bangsa yang memiliki keanekaragaman suku, budaya dan bahasa. Salah satu daripadanya ialah suku kaum yang dikenali sebagai orang Melayu Sarawak yang sememangnya mempunyai bahasanya yang tersendiri, yakni bahasa Melayu Sarawak.

Orang Melayu Sarawak juga kaya dengan tradisi lisan dan sastera tradisional yang tersendiri seperti peribahasa, dan pantun. Bahkan dalam bahasa Melayu Sarawak wujud perkataan *peremban* yang membawa maksud perumpamaan. Justeru, kajian berkaitan dengan peribahasa Melayu Sarawak wajar dilakukan agar tradisi lisan masyarakat itu dapat dipelihara dan dilestarikan untuk generasi yang akan datang.





Menurut akhbar *The Borneo Post* (8 Februari 2014) yang memetik statistik dari Jabatan Statistik Negeri, pada suku tahun ketiga 2013, populasi Melayu berjumlah 599,600 orang mengatasi populasi Cina yang berjumlah 596,100. Ini sekali gus mewajarkan masyarakat Melayu Sarawak diberikan perhatian oleh para pengkaji luar, dan diketengahkan ke peringkat kebangsaan agar mereka lebih dikenali.

Lantaran belum ada kajian yang autentik dan empirik tentang peribahasa orang Melayu Sarawak, dan bagi memastikan orang Melayu Sarawak juga dikenali melalui tradisi lisannya, maka kajian akan memfokuskan dua aspek utama dalam peribahasa Melayu Sarawak, iaitu aspek genre dan akal budi. Kedua-dua aspek amat signifikan untuk memperlihatkan betapa penting peribahasa dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak yang sekali gus dapat menyerlahkan pertalian budaya masyarakat itu dengan suku bangsa Melayu yang lain.

Peribahasa yang wujud dalam bahasa Melayu Sarawak adalah terbentuk daripada keanekaragaman budaya yang dapat memberi sumbangan yang positif kepada kekuatan kebudayaan kebangsaan, dan pengayaan peradaban Melayu secara keseluruhannya. Dalam kalangan orang Melayu Sarawak peribahasa merupakan wahana signifikan untuk merakamkan akal budi, dan mengartikulasikan peradaban bangsa Melayu yang diungkapkan dengan susunan kata yang puitis dan berkias secara tersurat dan tersirat. Meskipun orang Melayu Sarawak kurang dikenali berbanding dengan orang Iban, Bidayuh dan Orang Ulu dalam kalangan pengkaji, namun dengan adanya kajian ini, diharapkan





kajian akan mencetuskan keinginan yang lebih banyak untuk mengkaji orang Melayu Sarawak, khususnya berkaitan dengan sastera lisan mereka.

Tesis ini pada dasarnya cuba untuk mentafsirkan maksud-maksud terselindung yang mengiaskan akal budi yang tersirat dalam peribahasa orang Melayu Sarawak . Kajian ini bertitik-tolak daripada kesedaran dan kepedulian bahawa kajian-kajian tentang orang Melayu Sarawak sebelum ini lebih terfokus kepada sosiobudaya, sosiolinguistik, sosioekonomi dan sosiopolitik.

Kajian tentang tradisi lisan, dan sastera tradisional, khususnya yang berkaitan dengan peribahasanya belum dilakukan secara rinci dan tuntas, sedangkan selepas pantun,

peribahasa ialah subgenre puisi tradisional yang cukup signifikan.

Kajian ini cuba membuktikan bahawa orang Melayu Sarawak juga adalah tinggi akal budinya seperti yang terpancar dalam peribahasanya yang terungkap indah, tersusun elok, serta menyurat dan menyirat majaz-majaz bermakna. Nilai-nilai akal budi ini hanya dapat dicungkil dan ditampilkan dengan mengkaji peribahasa yang telah wujud dalam kalangan orang Melayu Sarawak sejak sekian lama. Pemahaman makna tidak sekadar pada simbol, bagaimanapun, melihat peribahasa sebagai teks. Dalam teks ada konteks yang bersifat polisemi, dan oleh itu, kajian ini akan menumpukan fokus kepada teks dan konteks sehingga ditemukan makna-makna yang utuh dalam peribahasa-peribahasa yang dikaji itu.





Peribahasa-peribahasa yang menjadi objek kajian ini juga akan dikaji dengan bersandarkan gagasan Za' ba (1962) tentang jenis-jenis peribahasa yang dikategorikan mengikut ciri-ciri struktur atau bentuknya. Aspek genre peribahasa Melayu Sarawak ini wajar dikaji bagi memastikan peribahasa itu dapat dikategorikan mengikut jenis-jenisnya.

Bertitik-tolak daripada hipotesis bahawa peribahasa Melayu menyampaikan mesej pemikiran serta cerminan kearifan orang Melayu yang tinggi melalui pengungkapan bahasa yang tersurat dan tersirat, maka kajian ini cuba untuk mengenal pasti nilai-nilai yang menunjangi akal budi seperti yang terungkap dalam peribahasa orang Melayu Sarawak yang menjadi fokus utama kajian ini.



1.3 Permasalahan Kajian

Kaum Melayu Sarawak adalah merupakan satu daripada 24 kaum yang terdapat di negeri Sarawak, dan selepas kaum Iban, orang Melayu merupakan kelompok Bumiputera yang kedua terbesar. Meskipun begitu, kaum Melayu Sarawak tidak begitu dikenali berbanding dengan suku kaum Iban dan Melanau kerana amat kurang kajian dilakukan terhadap masyarakat tersebut, khususnya yang menyangkut aspek kesusastraan tradisional masyarakat itu. Genre peribahasa pula memang tidak pernah dikaji secara tuntas, ilmiah dan empirikal, dan oleh sebab itu, kajian amat wajar dilaksanakan bagi memastikan orang Melayu Sarawak akan lebih dikenali dalam kalangan pengkaji, sekali





gus bagi memastikan kesusasteraan tradisional masyarakat itu, khususnya peribahasa tidak lupus bersama peredaran zaman.

Menurut Awang Hasmadi Awang Mois dalam kertas kerjanya *Masyarakat Melayu Sarawak: Satu Penilaian* yang dibentangkan dalam Seminar Budaya Melayu III pada tahun 1999:17:

“Ada daripada kita mungkin tahu bahawa masyarakat Melayu Sarawak ialah masyarakat yang kurang menarik perhatian ahli sosiologi mahupun antropologi dari dalam mahupun luar negeri. Jika dibandingkan dengan kaum-kaum lain yang terdapat di Sarawak, kaum Melayu Sarawak seolah-olah tidak wujud atau walau diketahui wujud pun seperti tidak menghadapi sebarang masalah sosioekonomi atau budaya dalam keadaan Sarawak yang begitu cepat berubah. Justeru itu kita tidak pernah membaca tentang mana-mana badan atau pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang membicarakan atau melaungkan tentang nasib orang Melayu. Sebaliknya, perhatian mereka lebih tertumpu pada kumpulan-kumpulan lain yang dianggap lebih terpinggir (marginal), iaitu kaum-kaum yang terdapat di kawasan pedalaman seperti kaum Penan... Namun demikian, pengkaji luar terutamanya dari Barat memang menyedari bahawa peranan yang dimainkan oleh masyarakat Melayu dalam menentukan kestabilan politik tempatan dan nasional cukup signifikan.”

Justeru, kajian terhadap peribahasa ini cukup penting bagi menyerlahkan keberadaan masyarakat itu dalam arus perdana politik dan pembangunan negara, di samping untuk memperkaya khazanah kesusasteraan tradisional Melayu pada peringkat nasional. Memandangkan masih belum ada kajian yang tuntas mengenai bentuk, jenis, isi dan fungsi peribahasa orang Melayu, maka kajian ini akan menjadi kajian yang pertama seumpama itu Kajian ini juga wajar diadakan bagi mewujudkan suatu dokumentasi





sosiobudaya orang Melayu Sarawak yang berhubung kait dengan struktur sosial mereka, dan kearifan mereka.

Dalam pada itu, dengan adanya kajian tentang genre peribahasa Melayu Sarawak ini, dapatlah peribahasa yang terdapat dalam kalangan masyarakat itu dikategorikan mengikut jenis-jenis, bentuk dan fungsinya, sekali gus dapat mengetengahkan sub-genre peribahasa Melayu Sarawak untuk didokumentasikan. Justeru, dengan adanya kajian seumpama ini dunia keilmuan dan penyelidikan akan diperkaya dengan bahan-bahan kajian sastera lisan yang primer, serta sekunder yang semakin sukar dan rumit untuk diperoleh.

Selain itu, pendokumentasian, dan pengkategorian peribahasa Sarawak mengikut jenis-jenisnya merupakan permasalahan yang belum ditangani. Oleh itu, melalui kajian ini, peribahasa orang Melayu Sarawak akan dikumpulkan, dirakamkan, dikategorikan dan didokumentasikan mengikut genrenya yang sekali gus akan memberi nilai tambah kepada peribahasa Melayu Sarawak sebagai bahan kajian awal yang boleh dilanjutkan kajian pengkaji-pengkaji lain, baik dari dalam maupun luar negara.

Kajian ini tentang genre dan akal budi dalam peribahasa Melayu Sarawak ini cukup penting bagi memastikan tradisi lisan yang terdapat dalam kalangan orang Melayu Sarawak itu terus terpelihara, dan tidak mati ditelan zaman. Apatah lagi nara sumber bagi memperoleh data yang autentik tentang peribahasa sudah semakin pupus, dan sekiranya kajian sebegini tidak disegerakan, dikhuatiri tradisi lisan genre puisi tradisional ini tidak dapat didokumentasikan sebagai legasi atau warisan kepada generasi akan datang.





Di samping itu, kurangnya minat dalam kalangan pengkaji dalam dan luar untuk melakukan kajian terhadap tradisi lisan masyarakat Melayu Sarawak akan menyebabkan masyarakat Melayu Sarawak terus tidak dikenali oleh masyarakat luar, dan tradisi lisannya yang kaya itu akan pupus. Jika berlaku kepupusan itu, maka itu ialah suatu kerugian besar kepada dunia kesarjanaan dan penyelidikan.

Tambahan pula, setakat ini, persoalannya belum ada percubaan yang serius untuk mengkaji, menganalisis dan menilai peribahasa orang Melayu Sarawak sebagai salah satu sumber penting akal budi orang Melayu Sarawak yang boleh diketengahkan ke peringkat nasional, sekali gus menjadi dokumen sosiobudaya yang signifikan untuk dilanjutkan kepada kajian-kajian lain yang berkaitan dengan ranah kemanusiaan, kebudayaan,



Sesungguhnya, peribahasa Melayu Sarawak menyirat pandangan jagat atau *worldview* masyarakat Melayu Sarawak, dan dengan adanya kajian ini, dapatlah diketengahkan pelbagai aspek pemikiran, keperibadian, kebahasaan dan kebudayaan masyarakat tersebut untuk diketahui, difahami dan dinilai oleh masyarakat luar yang berminat untuk mengkaji masyarakat itu daripada pelbagai perspektif. Permasalahan genre dan akal budi dalam peribahasa Melayu Sarawak sangatlah signifikan kerana, pertama-tamanya belum ada kajian yang tuntas dan menyeluruh tentang kedua-dua aspek itu. Kedua, memang tidak ada perbincangan dan wacana ilmiah serta saintifik tentang tradisi lisan Melayu Sarawak, khususnya genre peribahasa, diadakan.





Justeru, kajian ini akan cuba untuk menyelesaikan permasalahan-permasalahan tersebut serta mencapai objektifnya, dan diharapkan kajian ini akan dapat menemukan jenis, ciri, fungsi dan jumlah jenis peribahasa Melayu Sarawak, sekali gus menemukan jenis dan ciri akal budi yang terkandung dalam peribahasa Melayu Sarawak. Dengan pencapaian tiga objektif, dan menjawab tiga soalan kajian ini, peribahasa Melayu dapat ditentukan genrenya, dan diserlahkan pelbagai aspek akal budi yang tersirat di dalamnya.

1.4 Objektif Kajian

Tujuan utama kajian ini adalah membincangkan dan menganalisis peribahasa Melayu Sarawak, terutamanya daripada aspek genre dan fungsi peribahasa serta pelbagai unsur akal budi yang terdapat dalam peribahasa Melayu Sarawak. Aspek genre dan akal budi dalam peribahasa Melayu Sarawak yang merupakan dua aspek utama yang akan menjadi tumpuan utama kajian ini. Kedua-dua aspek ini belum pernah dikaji sebelum ini. Oleh itu, amat wajarlah kajian yang pertama ini menumpukan analisis kepada aspek genre dan akal budi yang terkandung dalam peribahasa.

Secara lebih khusus, objektif kajian ini adalah untuk :

- i) Mengenal pasti genre peribahasa masyarakat Melayu Sarawak.
- ii) Menghuraikan struktur dan fungsi peribahasa masyarakat Melayu Sarawak.
- iii) Menganalisis akal budi dalam peribahasa Melayu Sarawak.





1.5 Soalan Kajian

Soalan-soalan kajian ini adalah:

- i) Berapakah genre peribahasa Melayu Sarawak?
- ii) Apakah struktur dan fungsi peribahasa Melayu Sarawak?
- iii) Adakah wujud akal budi Melayu Sarawak yang dapat dihuraikan melalui peribahasa tersebut?

Orang Melayu Sarawak seperti juga kaum Iban, Bidayuh dan Orang Ulu amat kaya dengan

sastera lisannya yang belum dikaji dan diterokai secara meluas serta tuntas. Ini mungkin disebabkan suku kaum itu tidak begitu dikenali oleh para pengkaji dari luar Sarawak, termasuklah dari Sabah dan Semenanjung Malaysia. Selain peribahasa, dalam kalangan orang Melayu Sarawak juga wujud genre pantun, mantera, syair, dan cerita-cerita rakyat yang belum dikaji secara meluas serta diketengahkan ke peringkat nasional dan antarabangsa dengan lebih terancang. Maka, melalui kajian ini para pengkaji dari dalam dan luar negara akan lebih tertarik untuk melakukan lebih banyak kajian tentang orang Melayu Sarawak, khususnya berkaitan dengan ranah sastera lisan.

Peribahasa Melayu Sarawak yang belum pernah dikaji secara tuntas itu berselerakan dalam beberapa buah buku, dan tidak banyak diketahui kewujudannya oleh masyarakat Melayu sendiri, apatah oleh mereka yang bukan daripada kalangan orang Melayu Sarawak. Justeru, melalui kajian ini, sejumlah peribahasa yang berselerakan itu dapat didokumentasikan, dan satu inventori yang memuatkan peribahasa Melayu Sarawak dapat diwujudkan.





Kajian ini juga cukup penting untuk dilaksanakan memandangkan peribahasa sebagai nara sumber pencungkilan pelbagai elemen fundamental peradaban Melayu, khususnya orang Melayu Sarawak semakin pupus, dan tidak lagi diendahkan oleh masyarakat Melayu moden. Justeru jika kajian ini tidak dibuat dengan segera, nescaya bentuk dan jenis-jenis peribahasa dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak tidak dapat didokumentasikan kerana orang tua-tua yang menjadi sumber rujukan dan pemerolehan peribahasa itu sudah semakin berkurangan. Sumber rujukan dalam bentuk tulisan pula hampir-hampir tidak ada berbanding dengan bentuk puisi tradisional yang lain seperti pantun.

Kajian ini juga signifikan untuk dilaksanakan memandangkan peribahasa sebagai salah satu jenis sastera lisan yang bercorak bukan cerita cenderung untuk pupus disebabkan beberapa faktor seperti genre ini tidak lagi digunakan secara meluas, bahan-bahan yang berkaitan tidak dikumpulkan dan tidak didokumentasikan, dan orang tua-tua yang berpengetahuan tentang peribahasa dalam kalangan orang Melayu Sarawak kian pupus. Bahkan tidak ramai pengkaji yang berminat untuk mengkaji peribahasa, di samping kurangnya usaha untuk mempromosikan masyarakat Melayu sebagai sumber penting untuk mengkaji sastera lisan. Melalui kajian ini juga masyarakat Melayu Sarawak yang tidak begitu dikenali dan diketahui kewujudannya akan dapat dipromosikan pada peringkat kebangsaan, sekali gus akan dapat mewujudkan saling faham akan aspek-aspek budaya yang menjadi kebanggaan serta identiti sesuatu masyarakat itu. Dengan demikian mudahlah untuk memantapkan integrasi nasional dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di negara ini.





Dapatan kajian ini boleh dimanfaatkan oleh Kerajaan sebagai asas untuk menggubal dasar-dasar yang berkaitan dengan pembinaan negara bangsa, dan dasar-dasar yang berkaitan dengan perpaduan kaum serta integrasi nasional. Selain itu, kajian ini cukup signifikan bagi memastikan legasi ilmu, legasi budaya dan legasi warisan yang berkaitan dengan masyarakat Melayu Sarawak dapat dilestarikan untuk menjadi salah satu elemen fundamental dalam pembinaan peradaban Melayu.

Dalam proses pembinaan semula negara Malaysia, dan perubahan iklim politik mutakhir, dapatan kajian ini boleh dimanfaatkan oleh pihak-pihak yang berwenang untuk mengenal pasti pelbagai elemen budaya dan sastera, khususnya peribahasa, yang boleh diangkat untuk membentuk kebudayaan kebangsaan yang lebih menyeluruh.



Kajian ini juga akan menjadi satu-satunya kajian autentik dan empirikal sejauh yang berhubung kait dengan peribahasa Melayu Sarawak, sekali gus akan menjadi pemacu kepada kajian-kajian lanjut berkaitan dengan puisi tradisional, khususnya peribahasa dalam kalangan masyarakat Melayu di Sarawak.

Kajian ini juga akan memperkenalkan masyarakat Melayu Sarawak pada peringkat kebangsaan, dan peringkat antarabangsa khususnya dalam kalangan pengkaji, baik yang berkaitan dengan ranah kesusasteraan maupun yang berkaitan dengan bidang antropologi, politik dan sebagainya. Hasil daripada kajian ini juga boleh dijadikan dokumen dan artifak budaya yang dapat menjadi kebanggaan orang Melayu Sarawak, sekali gus menjadi legasi budaya untuk diwariskan kepada generasi yang akan datang.





1.6 Batasan Kajian

Kajian ini akan memberi fokus yang khusus kepada peribahasa yang terdapat dalam kalangan orang Melayu Sarawak, dan tidak mencakupi orang Melanau Islam, dan Kedayan. Kendatipun banyak juga kajian dibuat terhadap sastera lisan genre puisi tradisional, bagaimanapun, kajian serius, dan secara analisis kritis terhadap peribahasa orang Melayu tidak pernah dilakukan. Kebanyakan kajian yang dibuat adalah berkenaan dengan pantun. Secara umumnya skop dan batasan kajian ini dapat dibahagikan kepada kategori-kategori yang berikut :



Daripada genre puisi tradisional yang sangat luas itu, subgenre peribahasa yang dipilih untuk dikaji memandangkan belum ada kajian yang tuntas mengenai subgenre ini, khususnya yang membicarakan perihal genre dan akal budi dalam peribahasa Melayu Sarawak. Subgenre ini juga dipilih kerana peribahasa cenderung untuk pupus berbanding dengan subgenre kesusasteraan tradisional lain seperti pantun. Malahan, peribahasa Melayu Sarawak tidak begitu diketahui umum, dan penggunaannya dalam kalangan ahli-ahli masyarakatnya amatlah sedikit. Pengaruh peribahasa Melayu dalam Bahasa Melayu baku juga turut mempengaruhi keberadaan peribahasa Melayu Sarawak. Di samping itu, orang tua-tua yang berpengetahuan mengenai peribahasa juga sudah semakin berkurangan, dan ditambah pula dengan teramat kurangnya minat para pengkaji, baik dari dalam





mahupun luar negara, untuk mengkaji tradisi lisan masyarakat Melayu Sarawak. Ini mungkin disebabkan orang Melayu Sarawak tidak begitu disedari akan kewujudan mereka.

Justeru, memang wajarlah kajian ini dilaksanakan sebagai salah usaha awal untuk memperkenalkan masyarakat Melayu Sarawak, khususnya kesusasteraan tradisional kepada para pengkaji sama ada dari dalam ataupun dari luar negara. Tambahan pula kajian ini ialah kajian yang pertama tentang genre peribahasa Melayu Sarawak yang pasti dapat menjadi titik tolak untuk para pengkaji lain meneruskan kajian lanjut berkaitan genre tersebut atau bidang-bidang kajian kearifan tempatan yang lain yang berhubung kait dengan orang Melayu Sarawak.



1.6.2 Batasan Suku Kaum dan Kawasan

Memandangkan taburan populasi orang Melayu yang amat luas, dan terdapat di seluruh negeri Sarawak, hanya masyarakat Melayu Sarawak yang terdapat di Kampung Sebangan, Simunjan dalam Bahagian Samarahan sahaja yang akan menjadi sumber dan informan dalam kajian ini kerana di Bahagian ini terdapat petempatan orang Melayu yang dominan. Petempatan Melayu di Kampung Sebangan yang terdiri dari Kampung Lamanek, Kampung Lutong, Kampung Sampat dan Kampung Sungai Arus Melayu ialah tumpuan kajian ini kerana penduduk Melayu di kawasan-kawasan itu adalah homogen sifatnya, sekali gus representatif bagi populasi Melayu Sarawak. Kajian tidak sepenuhnya berdasarkan kawasan-kawasan yang disebutkan di atas, walau bagaimanapun, tertumpu





pada temu bual dengan dua orang informan yang juga berupa tokoh penting dalam bidang bahasa, sastera, dan seni budaya dari Kampung Sebangan.



Rajah 1.1 Peta Kawasan Kajian. (Sumber: Map data © 2018 Google)



Hanya perbahasa dalam kalangan suku kaum Melayu Sarawak sahaja yang dikaji kerana genre ini belum pernah dikaji secara tuntas dan empirikal, di samping informan yang mengetahui tentang peribahasa semakin pupus. Tambahan pula, genre kesusasteraan tradisional yang lain seperti pantun lebih menarik minat para pengkaji untuk melakukan kajian yang berkaitan dengan masyarakat Melayu Sarawak.

Oleh itu, kajian ini dibatasi dengan mengkaji peribahasa di kawasan yang ada informan yang berpengetahuan dalam ranah kesusasteraan tradisional orang Melayu Sarawak. Walaupun orang Melayu tersebar luas di serata negeri Sarawak, bagaimanapun kajian ini hanya memberi tumpuan kepada penutur asli Bahasa Melayu Sarawak.





1.6.3 Penetapan Objek Kajian

Kajian ini akan membatas skop kajiannya kepada genre peribahasa sahaja kerana genre itu belum pernah dikaji secara tuntas, di samping disebabkan peribahasa mengungkapkan pelbagai nilai yang ada hubung kaitnya dengan aspek akal budi yang terdapat dalam kalangan orang Melayu Sarawak.

1.6.4 Batasan Waktu

Disebabkan peribahasa dituturkan daripada satu generasi kepada satu generasi yang lain secara lisan, dan sukar ditentukan bilakah tahun sebenar puisi tradisional itu muncul, maka peribahasa yang dikaji ini tidak ada batasan waktu yang khusus. Selain itu, data dalam bentuk peribahasa juga bergantung pada maklumat yang diperoleh daripada informan yang tentunya tidak dapat ditentukan waktu kewujudan peribahasa itu. Penentuan waktu mula wujudnya peribahasa orang Melayu Sarawak juga tidak dapat dipastikan kerana ketiadaan bahan bertulis tentang peribahasa, dan tiadanya kajian mengenai genre.

Tambahan pula, bahan rujukan tentang peribahasa ini amatlah terbatas. Walau bagaimanapun, sebagai garis panduan, hanya peribahasa yang muncul sebelum munculnya sastera moden sahaja yang akan dijadikan data kajian ini, khususnya yang terdapat dalam beberapa buah buku yang ada menyelitkan peribahasa, dan data yang diperoleh daripada dua orang informan yang menjadi nara sumber kajian ini.





1.7 Sumber Kajian

Sumber kajian terdiri bahan-bahan bertulis seperti buku, dan jurnal kertas kerja yang ada menyentuh peribahasa Melayu Sarawak. Dua orang tokoh penutur asli Bahasa Melayu Sarawak yang dikenal pasti sebagai berpengetahuan mengenai peribahasa serta budaya daripada kalangan masyarakat Melayu di Kampung Sebangan juga menjadi sumber utama kajian ini.

Dua orang informan ini memang berwibawa, dan hanya mereka berdua yang dapat menjadi sumber rujukan bagi memperoleh data berkenaan dengan peribahasa. Justeru, kaedah menemu bual kedua-dua informan ini dianggap wajar kerana tiadanya dokumen bertulis yang benar-benar mengandungi data tentang peribahasa. Tambahan pula, sumber orang hidup yang semakin pupus dikhuatiri akan merencatkan pendokumentasian artifak budaya seperti peribahasa.

Tiga buah buku yang ditulis oleh Abang Yusuf Puteh iaitu “*The Malays of Sarawak*” (1998), “*The Malay Mind*” (1996) dan “*Adat Perkahwinan Orang Melayu Sarawak*” (2008) juga merupakan satu lagi sumber utama kajian ini memandangkan ketigatiga buku itu ada memuatkan peribahasa Melayu Sarawak, walaupun tidak menghuraikan peribahasa-peribahasa itu secara mendalam. Selain itu, karya-karya kreatif seperti cerpen, novel dan skrip drama yang ada mengungkapkan peribahasa orang Melayu Sarawak dalam karya masing-masing juga dijadikan sumber dalam kajian.





1.8 Definisi Konsep dan Istilah

Sebagai titik-tolak kepada kajian ini, konsep dan definisi beberapa istilah penting akan dibicarakan terlebih dahulu. Istilah-istilah tersebut mempunyai makna-makna tersendiri yang umum dan khusus. Definisi konsep dan istilah ini akan memudahkan pengenalpastian data-data yang hendak dikumpulkan dan diperoleh, sekali gus membolehkan analisis yang lebih tuntas dilakukan. Peribahasa sudah sekian lama diperkatakan serta dibahaskan oleh para sarjana, dan pengkaji.

Kajian ini akan memberi fokus kepada dua aspek utama dalam peribahasa Melayu Sarawak untuk dianalisis, iaitu aspek genre dan akal budi, di samping memberi tumpuan kepada aspek metafora atau bahasa figuratif dan semantik. Lapan istilah signifikan itu ialah genre, akal, budi, peribahasa, semantik, metafora, pragmatik, kognitif dan inkuitif. Kelapan-lapan istilah itu meliputi aspek-aspek penting dalam ranah semantik, khususnya aspek genre dan akal budi.

Pendefinisian istilah-istilah tersebut dibuat dengan menggunakan kaedah analisis konsep yang mencakupi aspek konsep, binaan dan takrif operasi, selain meneliti makna-makna yang didukung oleh istilah-istilah berdasarkan takrifan dalam kamus, dan takrifan yang dibuat oleh para pakar bahasa dan sastera. Takrifan yang berkaitan dengan genre peribahasa yang terdapat dalam Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu juga dijadikan sumber utama.





1.8.1 Genre

Secara umumnya kesusasteraan Melayu dapat digolongkan kepada dua genre, iaitu kesusasteraan tradisional dan kesusasteraan moden. Orang Melayu mempunyai pelbagai genre puisi warisan yang secara langsung memperlihatkan ketinggian pemikiran mereka dalam menciptanya. Antara genre puisi tradisional ialah pantun, syair, gurindam, seloka, bahasa berrima, peribahasa, teka-teki, perbilangan adat, teromba, qit'ah, nazam, dikir, masnawi dan talibun. Puisi-puisi ini disampaikan dalam bentuk berangkap sama ada terikat ataupun tidak. Kebiasaannya bentuk-bentuk puisi sastera rakyat ini dilakukan mengikut rentak dan irama tertentu.



Genre kesusasteraan tradisional dalam kajian ini ialah peribahasa. Istilah genre berasal daripada Bahasa Perancis yang membawa maksud jenis dan macam. Maka, genre kesusasteraan tradisional bermakna jenis kesusasteraan tradisional. Peribahasa pula ialah salah satu daripada subgenre kesusasteraan tradisional yang dikategorikan sebagai genre puisi tradisional di samping pantun, teromba, seloka dan lain-lain.

Dalam Kamus Kesusasteraan (2015:118) istilah ditakrifkan sebagai kategori atau jenis karya sastera mengikut bentuk, teknik atau pokok persoalan, manakala, Kamus Bahasa Melayu Nusantara (2003:806) memberi makna genre sebagai kategori atau jenis karya sastera atau seni yang dicirikan dengan sesuatu gaya, bentuk atau kandungan tertentu;ragam sastera.





Kesusasteraan tradisional adalah salah satu daripada genre kesusasteraan, dan peribahasa yang digolongkan sebagai puisi tradisional adalah salah satu salah satu daripada genre kesusasteraan tradisional yang mempunyai bentuk, ciri dan fungsi tersendiri yang membezakannya dengan genre kesusasteraan moden. Menurut Harun Mat Piah et al (2006:8), kesusasteraan tradisional mempunyai bentuk dan ciri yang berbeza daripada kesusasteraan moden. Bentuk dan ciri ini merangkumi makna, struktur, plot, gaya dan teknik serta konvensi lain sastera yang dicirikan pula oleh bahasa, persembahan, fungsi dan faktor-faktor luaran lainnya.

Menurut mereka lagi, sastera tradisional juga, terutama dalam genre puisi, bersifat fungsional; semua yang dicipta untuk digunakan dalam kehidupan sosial masyarakat sehari-hari. Tradisi ini dilanjutkan dari zaman lampau hingga ke hari ini (2006:8). Justeru, genre dalam konteks kesusasteraan tradisional dan kajian ini mencakupi jenis-jenis, kelompok-kelompok atau bentuk-bentuk sastera tradisional yang tergolong sebagai puisi, yakni genre peribahasa.

Secara ringkasnya, analisis dalam kajian ini akan ditumpukan kepada unsur luaran dan unsur dalaman peribahasa sesuai dengan pembahagian yang dilakukan oleh Harun Mat Piah (1989) seperti yang berikut:

- i) Unsur luaran seperti bentuk dan struktur serta ikatan dan konvensinya;
- ii) Unsur dalaman seperti bahan pembicaraan, pemikiran, isi, fungsi dan pelbagai unsur keindahan yang lain.





Analisis genre peribahasa Melayu Sarawak ini akan berdasarkan pengkategorian peribahasa Harun Mat Piah (1989) yang mendasarkan pengkategorinya dengan pembahagian peribahasa yang dilakukan oleh Za'ba (1965) yang mencakupi peribahasa jenis bidalan atau pepatah, perbilangan, perumpamaan, lidah pendeta, kiasan, tamsil dan ibarat, dua baris berirama dan yang menyerupai pantun empat baris.

Sebagai kesimpulannya, daripada segi genre, peribahasa Melayu Sarawak dalam kajian ini akan dianalisis jenis-jenisnya, fungsinya dan unsur luaran serta unsur dalaman peribahasa tersebut. Penganalisan genre peribahasa itu akan membolehkannya dikategorikan mengikut jenis-jenisnya yang sebelum ini tidak dilakukan oleh para pengkaji. Aspek genre ini juga menyangkut soal fungsi dan struktur peribahasa-peribahasa itu, khususnya unsur luaran dan dalamannya. Aspek fungsi dan struktur peribahasa dianalisis secara rinci dan tuntas agar pelbagai unsur akal budi yang terkandung di dalamnya dapat dirungkaikan dan diuraikan.

1.8.2 Akal Budi

Bagi memperjelas konsep akal budi ini beberapa pandangan daripada perspektif bahasa, al-Quran, sarjana Islam, sarjana Melayu, sarjana Timur dan Barat, dan hubung kaitnya dengan kesusasteraan akan diterangkan. Menurut Mohd. Taib Osman (1988), dalam genre-genre seperti kesusasteraan, muzik, drama, tarian serta berbagai-bagai bentuk kesenian dan kebudayaan tradisional yang lain memancarkan akal budi Melayu. Begitu jugalah dengan





peribahasa Melayu Sarawak, ia merupakan suatu artifak yang mencerminkan akal budi masyarakat tersebut.

1.8.2.1 Akal

Menurut al-Quran akal ialah hujah atau anugerah Allah SWT yang cukup hebat berbanding dengan makhluk yang lain. Akal ialah alat yang dapat mengungkapkan dan menyampaikan kebenaran, sekali gus dapat membezakan yang hak dan yang batil. Daripada pandangan Islam, akal juga memainkan peranan yang sangat penting dalam kehidupan manusia. Kebebasan dan kebijaksanaan berfikir dengan menggunakan ialah suatu kaedah dalam pemikiran, sekali gus merupakan modal bagi orang Islam menciptakan serta menjelaskan kemajuan dan peradaban.

Akal juga ialah neraca bagi manusia menentukan yang hak dan batil yang akan membentuk individu itu menjadi insan yang berilmu luhur, berfikiran terbuka, berakhlik mulia, dan berperadaban. Menurut *Kamus Bahasa Melayu Nusantara* (2003:37-38) pula kata *akal* mendukung makna-makna daya fikir, fikiran, ingatan, tipu daya, muslihat, helah, kecerdikan, kelicikan, dan kebolehan atau kemampuan melihat cara-cara memahami persekitaran. Daripada perspektif Islam, Allah SWT sememangnya menghendaki umat manusia berfikir, dan menggunakan akal sebijak-bijaknya agar mereka mampu membezakan yang benar dengan yang batil serta mengamalkan yang makruf, dan mencegah yang mungkar. Perihal ini dijelaskan melalui al-Quran dalam Surah al-Imran





3:190 yang bermaksud “Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, dan silih bergantinya malam dan siang terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang berakal.” (dalam Aminudin Mansor, 2015:30).

Hamka dalam bukunya *Falsafah Hidup* (2009:74) pula memperjelas peri perlunya seseorang itu menggunakan akal sebaik-baik mungkin untuk menentukan segala sesuatu yang baik yang perlu dilakukan, dan segala sesuatu yang tidak baik yang harus ditinggalkan:

“Maka takala Kitab Suci Al-Quran mengajak manusia kepada Islam dan mengikut suruhannya serta menghentikan larangannya, dia masuk lebih dahulu daripada pintu akal. Kalau terdapat bantahan dan keingkaran disuruh lebih dahulu mereka itu berfikir, mempergunakan akalnya yang suci bersih.”



Dengan bersumberkan al-Quran dan pandangan Imam Al-Ghazali, Amirudin Mansor (2012:35) pula merumuskan bahawa kata *akal* mendukung dua pengertian, iaitu:

- i) Akal bererti mengetahui hakikat segala sesuatu. Dalam hal ini, akal ialah sifat ilmu yang terletak di hati;
- i) Akal bererti yang mengungkapkan dan mendapatkan segala ilmu. Dalam hal ini, akal bererti hati dalam erti yang lebih halus.





Jika dilihat daripada aspek bahasa, istilah *akal* yang telah dimelayukan berasal daripada kata al-aql. Dengan kekuatan akal seseorang itu memperoleh ilmu, dan ilmu yang digunakan serta dimiliki oleh manusia itu bergantung pada kekuatan akalnya. Akallah yang membezakan manusia daripada makhluk lain sesuai dengan fungsi akal sebagai alat yang dapat menyampaikan kebenaran, sekali gus sebagai pembuktian dan pembezaan antara yang hak dan yang batil. Dan, apa-apa yang ditemukan oleh seseorang itu dapat dibuktikan kebenarannya dengan adanya akal yang sempurna.

Dalam konteks keupayaan dan kebolehan mencipta serta menghasilkan karya-karya kesusasteraan, fungsi akal ada hubung kaitnya dengan fungsi otak seseorang. Otak manusia terdiri daripada dua hemisfera, iaitu hemisfera kiri dan hemisfera kanan. Menurut Bobbi DePorter dan Mike Hernacki (1992) proses berfikir otak hemisfera kiri adalah bersifat logik, berurutan, linear, rasional, bahasa, dan intelek, manakala otak hemisfera kanan proses berfikirnya adalah bersifat fikiran beremosi, intuitif, imaginatif, dan kreatif yang mengkhusus kepada bidang kesenian, kesusasteraan, tarian, sajak, drama dan muzik.

Sidek Baba dalam bukunya *Fikir dan Zikir* (2009:34) menyatakan bahawa akal ialah sesuatu yang amat bernilai dalam kehidupan manusia sehingga amalan beragama itu dikaitkan dengan orang yang berakal. Orang yang tidak beragama dianggap tidak berakal. Berakal membawa kepada kewarasan berfikir yang memimpin manusia ke arah kebijaksanaan yang boleh menghasilkan ilmu.





Dalam konteks masyarakat Melayu, keilmuan mereka dicerminkan oleh kepandaian mereka mencipta pantun, peribahasa, berjual beli pantun secara spontan dalam acara bermukun, dan menghasilkan cerita-cerita rakyat yang menjadi khazanah warisan budaya serta kesusasteraan tradisional masyarakat tersebut. Ini juga merupakan khazanah kearifan masyarakat itu yang sangat signifikan untuk didokumentasikan, dan dilestarikan. Malahan, ranah peribahasa ini juga menggambarkan pemikiran dan falsafah kehidupan serta kewujudan orang Melayu di Sarawak.

Justeru, akal itu ialah segala kekuatan yang membawa seseorang insan itu kepada hakikat, menjauhkan diri daripada yang batil, patuh kepada hukum, menerima perintah, dan menjauhi larangan, termasuklah berakal atau kekuatan dalam penciptaan puisi-puisi tradisional, khususnya peribahasa. Tanpa akal yang sihat atau akal yang kreatif, tidak mungkin orang Melayu Sarawak dapat menghasilkan peribahasa yang mempunyai falsafah dan pemikiran yang tinggi.

Sebagai rumusan seperti yang diperjelas oleh Hamka (2001:332), manusia diberikan akal budi oleh Tuhan adalah untuk membolehkannya menjaga dan menguasai dirinya. Lewat akal manusia juga dapat memikirkan dan menghargai nikmat yang diberikan oleh Tuhan. Manusia itu lebih mulia dan bijak berbanding dengan haiwan kerana adanya akal. Kecerdasan dan kesihatan akal dapat dipupuk dengan banyak membaca, menelaah, berfikir dan merenung kehidupan serta persekitaran.





1.8.2.2 Budi

Kata *budi* mempunyai makna yang luas dan tafsiran yang pelbagai. Kata budi berasal daripada bahasa Sanskrit *buddhi* yang bererti bijak, pekerti baik dan mulia. Kata *budi* jika digabungkan dengan kata-kata lain akan menerbitkan beberapa kata majmuk atau ungkapan yang membawa makna-makna yang berbeza.

Antaranya ungkapan budi bahasa, budi bicara, budi pekerti, dan hati budi. Kata terbitan *berbudi* pula membawa maksud berakal, bijaksana, berkelakuan baik, murah hati dan baik hati. Budi pekerti adalah berkaitan dengan akhlak, tingkah laku, kelakuan dan watak seseorang. Manakala, budi bahasa bermaksud tingkah lku dan pertuturan.



Dalam kalangan masyarakat Melayu, kata *budi* ini muncul dalam pelbagai genre, misalnya seperti yang diungkapkan dalam rangkap pantun di bawah:

Tenang-tenang air di laut,
Sampan kolek mudik ke tanjung;
Hati terkenang mulut menyebut,
Budi baik rasa nak junjung.

Jentayu burung jentayu,
Hinggap di balik pohon mayang;
Bunga kembang akan layu,
Budi baik bilakan hilang.





Dalam pantun dua kerat pun diungkapkan pengertian dan kepentingan budi dalam kalangan orang Melayu. Misalnya dalam pantun dua kerat di bawah:

Orang berbudi kita berbahasa

Orang memberi kita merasa.

Ada ubi ada batas

Ada budi ada balas.

Kata *budi* dalam *Kamus Bahasa Melayu Nusantara* (2003:382-383) pula diberi maksud sesuatu di alam batin yang merupakan paduan akal dan perasaan untuk menimbang mana yang baik dan mana yang buruk. Kamus itu juga memberikan enam pengertian kata *budi* seperti yang disimpulkan dalam Jadual 1.1 di bawah:



Jadual 1.1

Pengertian Perkataan Budi

-
- 1 Sesuatu dalam batin yang merupakan paduan akal dan perasaan untuk menimbangkan mana yang baik dan mana yang buruk.
- 2 Akal atau kebijaksanaan.
- 3 Tabiat, akhlak, perangai, tingkah-laku, kelakuan dan watak.
- 4 Perbuatan atau sifat baik.
- 5 Daya usaha, ikhtiar dan bicara.
- 6 Akal dengan pengertian kecerdikan menipu.
-





Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) pula mentakrifkan kata *budi*, walau bagaimanapun, hanya memberi padanan kata *budi* dengan kata *akal*, dan kebijaksanaan. Dalam pengertiannya yang kedua, kata *budi* digabungkan dengan kata *pekerja* yang menerbitkan kata *budi pekerja* yang membawa maksud *perangai, akhlak, tingkah-laku, dan watak*. Makna ketiga kata *budi* menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* itu ialah sifat baik, perbuatan baik, dan kebijikan. Makna keempat kata *budi* ialah bicara dan daya usaha.

Budi dalam kalangan orang Melayu ialah sesuatu yang baik dan indah seperti yang digambarkan dalam dua rangkap pantun yang berikut:



Yang kurik itu kundi,
Yang merah itu saga;
Yang baik itu budi;
Yang indah itu bahasa.



Tingkap papan kayu bersegi,
Sampan sakat di pulau angsa;
Indah tampan kerana budi,
Tinggi darjat kerana bahasa.

Sebagai kesimpulannya, takrifan bagi kata *budi* ialah kebijaksanaan, pekerja, sifat baik, perbuatan baik dan daya upaya. Pelbagai aspek *budi* yang tersirat dalam peribahasa Melayu Sarawak akan dicungkil dan dianalisis secara rinci dan mendalam untuk hubung kaitnya dengan kearifan orang Melayu Sarawak, sekali gus untuk menyerlahkan ketinggian daya cipta mereka dalam menghasilkan peribahasa-peribahasa yang sarat bermuat dengan pemikiran, falsafah dan pandangan dunia masyarakat tersebut.





1.8.2.3 Rumusan Pengertian Akal Budi

Istilah akal budi mempunyai pelbagai pengertian dan takrifan. *Kamus Bahasa Melayu Nusantara* (2003:38) memberi deskripsi akal budi sebagai *fikiran yang sihat*. Begitu juga dengan *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2010) juga memberi pengertian yang sama. Justeru, pengertian dan definisi akal budi ialah fikiran atau minda yang sihat.

Fikiran atau minda yang sihat itu menurut *Portal Rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia* (14 Mei 2018) terdiri daripada 10 elemen atau ciri yang digambarkannya sebagai *Pokok Minda Sihat*, dan minda yang sihat itu mempunyai keupayaan-keupayaan dan unsur-unsur yang berikut:



- 1) Menangani kemarahan;
- 2) Menyelesaikan Masalah;
- 3) Produktiviti;
- 4) Kebahagiaan;
- 5) Bermotivasi;
- 6) Tegas diri;
- 7) Harga diri;
- 8) Matlamat hidup realistik;
- 9) Bertolak-ansur; dan
- 10) Menerima hakikat.





Justeru, dapatlah dirumuskan bahawa akal budi ialah fikiran yang sihat, dan melalui fikiran yang sihat itulah munculnya pelbagai nilai yang baik dan murni dalam pelbagai bentuk nasihat, dan peringatan.

Untuk tujuan kajian ini, pengertian akal budi yang akan menjadi tumpuan ialah akal budi yang bermaksud kebijaksanaan, pekerti, sifat baik, daya cipta, falsafah dan pemikiran orang Melayu Sarawak yang tersurat dan tersirat dalam peribahasa. Ini termasuklah juga hal-hal yang berkaitan dengan budi pekerti dan budi bahasa yang seperti yang diperkatakan di atas.



Dalam *Kamus Bahasa Melayu Nusantara* (2003:2058-2059)) pula, yang dimaksudkan dengan peribahasa ialah kelompok kata atau kalimat yang tetap susunannya dan biasanya mengiaskan maksud tertentu berupa perbandingan, contoh, nasihat, prinsip hidup, atau aturan tingkah-laku. Selain itu, denotasi lain bagi peribahasa ialah pepatah, perumpamaan, simpulan bahasa dan bidal. Peribahasa adalah salah satu daripada sub-genre puisi tradisional yang tetap malar segar lantaran terus digunakan sejak zaman-berzaman. Peribahasa juga dikategorikan sebagai sastera lisan bercorak bukan cerita. Dalam *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu* (1998), peribahasa ditakrifkan sebagai frasa dan ayat yang mempunyai susunan yang tepat, dan mengandungi makna khusus.





Menurut Iman Budhi Santosa (2016:viii), peribahasa, atau sering disebut aforisme, wujudnya ialah kelompok kata atau kalimat yang susunannya tetap untuk mengungkapkan pernyataan tertentu. Isinya ialah perbandingan , perumpamaan, nasihat, prinsip hidup, aturan tingkah laku, baik yang dipujikan atau yang dilarang dalam adat tradisi setempat. Konstruksi kalimat peribahasa pun umumnya dibuat singkat, padat, puitis, agar memiliki daya tarik sehingga mudah dihafal dan diingat oleh masyarakatnya. Dalam sejarahnya, peribahasa yang berisi nasihat lahir dan digali daripada simpul-simpul pandangan hidup yang bersumber pada agama, kepercayaan, mitos religi, falsafah, serta ajaran para cerdik pandai/pujangga/wali/raja/datu pada masa lalu yang terbukti ampuh menjadi pedoman hidup mereka.



Daripada segi definisi operasional, peribahasa yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah berdasarkan takrifan Iman Budhi Santosa, dan definisi dalam *Kamus Bahasa Melayu Nusantara* seperti yang dinyatakan di atas.

1.8.4 Semantik

Menurut Henry Guntur Taringan (2009), semantik ialah telaah makna, yakni penelaahan lambang-lambang ataupun tanda-tanda yang memperlihatkan hubungan antara satu makna dengan satu makna yang lain, dan pengaruhnya kepada manusia dan masyarakat. Dengan lain, semantik bukan sahaja berkaitan dengan kajian tentang makna-makna, walau bagaimanapun, juga berhubung kait dengan korelasi antara makna-makna itu.





Daripada aspek linguistik semantik ialah kajian tentang makna perkataan dan penambahan makna sesuatu kata sesuai dengan takrifan semantik yang dikemukakan oleh Palmer (2002) bahawa semantik ialah kajian tentang makna. Walau bagaimanapun, pengertian semantik yang dimaksudkan dalam kajian ini menyangkut soal makna (*sense*) khusus, makna tidak khusus, makna tersurat dan makna tersirat yang terdapat dalam peribahasa yang berhubung kait dengan unsur-unsur metafora atau bahasa figuratif, pragmatik, kognitif, dan inkuitif.

1.8.4.1 Metafora

Aspek semantik yang akan menjadi tumpuan dalam kajian ini ialah metafora atau bahasa figuratif yang mendukung maksud ungkapan-ungkapan atau perkataan-perkataan yang terkandung dalam peribahasa-peribahasa itu adalah bersifat idiomatik atau pengungkapan yang berupa ekspresi idiomatik.

Definisi operasional bagi istilah metafora dalam konteks kajian ini ialah segala perkataan atau ungkapan yang terdapat dalam peribahasa-peribahasa yang menjadi data kajian ini yang mengandungi makna implisit, yakni metafora yang mempunyai fungsi kognitif, dan ungkapan berkonsep, iaitu ungkapan-ungkapan yang memiliki nilai-nilai intelektual. Metafora yang dimaksudkan dalam kajian ini juga sama dengan istilah bahasa figuratif.





Dalam kajian ini yang dimaksudkan dengan metafora ialah segala unsur kiasan yang membandingkan secara tersirat dua buah objek yang berlainan melalui daya imaginasi sehingga melahirkan konotasi yang segar dan makna baharu yang diungkapkan dalam sesebuah peribahasa itu.

1.8.4.2 Pragmatik

Ciri-ciri linguistik khusus peribahasa mencakupi maksud, mesej atau pemikiran yang hendak diekspresikan itu disampaikan secara idiomatik atau secara tidak langsung. Bidang pragmatik merupakan kajian yang berkaitan dengan pengungkapan maksud, mesej atau

pemikiran yang disampaikan secara berkias dan secara tidak langsung ini.

Istilah pragmatik yang digunakan dalam kajian ini secara definisi operasionalnya ialah penggunaan ungkapan eksplikatur (langsung) dan implikatur (tidak langsung) yang terkandung dalam peribahasa orang Melayu Sarawak yang ada hubung kaitnya dengan fungsi peribahasa dalam kalangan masyarakat tersebut.

Dalam konteks analisis genre dan akal budi terhadap peribahasa Melayu Sarawak ini, pragmatik adalah berkaitan dengan makna, dan kesan yang timbul daripada penggunaan peribahasa dalam situasi atau konteks tertentu. Konteks penggunaan sesebuah peribahasa itu sangat signifikan dengan maksud-maksud yang hendak disampaikan oleh para penutur peribahasa-peribahasa itu, dan untuk memahami maksud-maksud itu.





1.8.4.3 Kognitif

Istilah kognitif yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah potensi intelektual yang terdiri daripada tahap pengetahuan, pemahaman, penerapan, penganalisisan, sintesis, dan penilaian yang dimiliki seseorang atau sesuatu bangsa. Dengan kata lain, kognitif yang dimaksudkan ialah kemampuan yang dimiliki oleh seseorang atau sesuatu bangsa itu untuk mengembangkan kemampuan rasionalnya atau akalnya.

Kognitif adalah berhubung kait dengan kognisi, yakni proses mental untuk mentafsir, mempelajari dan memahami sesuatu hal, peristiwa, permasalahan dan sebagainya.



1.8.4.4 Inkuisitif

Definisi operasional bagi istilah inkuisitif yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah sifat ingin tahu yang berterusan yang dimiliki oleh sesuatu bangsa yang menjadikan mereka sentiasa berfikir panjang, bertaakul, dan berwaspada dalam berbahasa serta berkomunikasi. Sifat inkuisitif inilah yang mendorong seseorang atau sesuatu bangsa itu sentiasa berusaha untuk meneroka makna sehingga menemukan tafsiran yang tepat dan sesuai untuk sesuatu peribahasa itu. Dengan kata lain, sifat ingin tahu itu tidak berhenti setakat memahami makna permukaan sesebuah peribahasa itu, bagaimanapun, juga harus mencungkil, mentamsilkan, mendalamai serta merinci makna-makna tersirat yang terselindung di balik ungkapan-ungkapan peribahasa-peribahasa tersebut.





Di samping itu inkuisitif juga bermaksud sikap ingin tahu, dan dalam konteks kajian ini, sikap ingin tahu akan pelbagai makna yang tersurat dan tersirat dalam peribahasa akan mendorong pengakji untuk melakukan analisis yang rinci dan mendalam dengan sentiasa mencari sebab-musabab sesebuah peribahasa itu diungkapkan.

1.9 Kesimpulan

Kajian berkenaan dengan genre dan akal budi dalam peribahasa orang Melayu Sarawak yang merupakan suku bangsa Melayu yang dominan di Sarawak itu amat signifikan untuk membina peradaban Melayu yang lebih terangkum, sekali gus untuk membolehkan peribahasa Melayu yang lengkap dengan deskripsinya, pengkategorian genre dan subgenrenya serta penyerahan kearifan orang Melayu Sarawak dapat menjadi bahagian daripada warisan kesusastraan Melayu nasional.

Lewat kajian ini juga, kewujudan orang Melayu Sarawak akan lebih terserlah memandangkan artifik-artifik budaya mereka, dan bahasa mereka turut diketengahkan ke peringkat nasional. Ini sekali gus akan melahirkan rasa bangga dan dihargai dalam diri mereka, dan tentunya perkembangan ini akan memberi makna yang besar kepada proses pembinaan tamadun serta negara bangsa Malaysia.

